



Perdana Menteri terima anugerah

SULTAN Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin mengurniakan bintang Darjah Kebesaran Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Istana Badariah, Kuala Terengganu, semalam.

MIRAN MAKHZAN | BERITA HARIAN

Sains, keusahawanan bantu petani: Pak Lah

BH-15/7/2005

Teknologi tinggi berasaskan nilai tambah dalam RMK-9

Oleh Ridzuan Yop dan Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, hala tuju sektor pertanian dan industri asas tani negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan beralih kepada penggunaan teknologi tinggi serta berasaskan nilai tambah.

Perdana Menteri berkata, beberapa mekanisme sudah dikenal pasti terutama kombinasi antara sains dan perniagaan untuk dilaksanakan bagi memastikan ia dapat membawa perubahan disasarkan bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara.

Beliau berkata, antara mekanisme itu ialah pembangunan modal insan dalam pelbagai bidang berkaitan pertanian dan industri asas tani, terutama meningkatkan bilangan saintis, ahli ekonomi, pengurus dan usahawan.

“Modal insan perlu dilatih dalam

pelbagai bidang. Sebagai contoh, seorang penyelidik bukan saja pakar dalam bidang sains, tetapi turut mempunyai pengetahuan mencukupi dalam pasaran dan ekonomi,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada Pameran Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia (MIFB) 2005, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Teks ucapan Perdana Menteri dibacakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Lebih 300 gerai mengambil bahagian dalam pameran kali ini yang berlangsung tiga hari bermula semalam, membabitkan pelbagai produk makanan, minuman, pertanian, industri asas tani dan perkhidmatan.

Abdullah berkata, kepelbagaian pengetahuan itu penting bagi membolehkan seseorang penyelidik berupaya mengangarkan permintaan atau mengetahui nilai komersial terhadap kajian yang dilaksanakan.

“Kita tidak boleh mempunyai penyelidik yang gagal memahami keadaan sebenar pasaran. Mereka perlu mengetahui keperluan di ladang atau kilang dan memberikan jawapan terhadap sesuatu keperluan itu,” katanya.

Perdana Menteri berkata, menjangkakan pelaksanaan tempoh RMK-9 lebih banyak penyelidikan berasaskan komersial dapat dijalankan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan memastikan kewujudan peraturan dan persekitaran lebih memberangsangkan seperti perlindungan kepada harta intelek (IP) dan perkongsian bagi menggalakkan lagi usaha komersial sektor pertanian negara.

“Antara usaha itu sudah diumumkan dalam Bajet 2005 seperti menyediakan royalti kepada penyelidik sektor awam, pemilikan ekuiti kepada penyelidik yang menghasilkan penemuan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D),” katanya.

FAKTA

Sektor pertanian

- Negara mencatat defisit imbalan perdagangan makanan RM4.3 bilion (Januari-Ogos 2004) dan dijangka meningkat kepada RM10.9 bilion pada 2010 jika tiada dasar strategik dilaksanakan.
- Sektor pertanian mencatat pertumbuhan enam peratus sepanjang suku pertama tahun ini.
- Kekurangan buruh dan kemarau awal tahun ini, menyebabkan kemerosotan pengeluaran makanan terutama padi dan buah.
- Dalam tempoh RMK-9, kadar pertumbuhan sektor pertanian diunjur berkembang lima peratus setahun, dengan sektor pengeluaran makanan diunjurkan naik 7.2 peratus setahun.